



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)  
Email: kp@dvs.gov.my**



---

**KENYATAAN MEDIA DARIPADA  
YANG BERBAHAGIA  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR**

**SITUASI JANGKITAN VIRUS INFLUENZA A SUBTYPE H7N9 PADA MANUSIA DI CHINA  
DAN STRATEGI PENINGKATAN TAHAP SIAPSIAGA MENGEKANG WABAK DI MALAYSIA**

---

**Kedudukan Terkini Jangkitan Virus Influenza A *subtype* H7N9 di Republik Rakyat  
China (RRC)**

**Latarbelakang:** Di awal Mac 2013, dunia kesihatan telah digemparkan sekali lagi oleh satu kejadian jangkitan virus H7N9 yang dilaporkan berlaku di Shanghai, China yang menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada manusia. Virus penyebab penyakit ini, iaitu **virus Influenza A *subtypte* H7N9 yang berpatogenik rendah pada unggas tetapi berbahaya kepada manusia yang boleh menyebabkan kematian.** Ini merupakan peralihan pola di mana virus keupayaan rendah yang tidak membunuh ayam kemungkinan melompat kepada manusia dan menyebabkan kematian pada kadar yang membimbangkan (20%).

Kini sejumlah 112 kes telah dilaporkan berlaku pada manusia dalam tempoh tiga minggu melibatkan beberapa provinsi di Timur-Laut Negara China dan terkini dilaporkan 1 kes di luar Negara China iaitu di Taiwan.

Negara	Jumlah Kes	Jumlah Kematian
<b>China</b>		
Shanghai	33	12
Jiangsu	24	3
Zhejiang	44	6
Anhui	4	1
Henan	4	0
Beijing	1	0
<b>Shandong</b>	<b>1</b>	<b>0</b>
Jiangxi	1	1
<b>Taiwan (kes terkini dilaporkan di luar Negara China)</b>		
Taipei	1	0
<b>Jumlah</b>	<b>113</b>	<b>23</b>

Pada petang 22 April 2013, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menerima laporan dari Negara China yang menyatakan kejadian satu kes jangkitan virus Influenza A *subtypte* H7N9 telah berlaku di Bandar Zaozhuang, selatan **Provinsi Shandong**. Kes melibatkan lelaki berumur 36 tahun yang disyaki berkemungkinan besar terjangkit daripada ayam hidup yang dijual di pasar basah. Untuk makluman, Provinsi Shandong dibenarkan oleh negara Malaysia untuk mengeksport keratan ayam ke dalam negara.

## **Kesan Jangkitan Virus Influenza A *subtype* H7N9 terhadap Import Keratan Ayam dari Negara China**

Malaysia mengimport purata antara 20,000 hingga 22,000 tan metrik setahun keratan daging ayam beku dari dua loji terbesar di Provinsi Shandong bagi keperluan pemprosesan. Sejumlah 65% daripada import tahunan adalah dari China dan yang selebihnya dari Thailand dan EU. Sehingga Mac 2013, Malaysia mengimport sejumlah 4,800 tan metrik keratan ayam dari dua loji pemprosesan di Provinsi Shandong. Kedua loji ini terletak 300 kilometer di utara tempat kejadian kes. Kes ini masih belum dipastikan punca sebenar dan dijangka akan diketahui lewat hari ini.

### **Langkah-langkah Keselamatan yang diambil**

Satu arahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) supaya menahan semua kontena mengandungi keratan ayam dari Provinsi Shandong berkuatkuasa dari 23 April 2013 bagi pemeriksaan rapi. Kaedah ***Hold, Test and Release*** akan digunapakai sebagai syarat-syarat di mana kandungan kontena akan disampel secara rawak bagi pengesahan ujian makmal untuk mengesan kehadiran virus Influenza A *subtype* H7N9 dengan menggunakan kaedah *Polymerase Chain Reaction* (PCR).

**Semua permohonan import keratan ayam dari China dibekukan buat sementara waktu** dan hanya kontena yang di dalam perjalanan (on-water) dibenarkan bergerak dengan dikenakan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas. Pihak Berkuasa China (General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine, AQSIQ), MAQIS, Jabatan Kastam, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dan Pejabat TYT Duta Besar Malaysia di Beijing akan diberi maklum mengenai tindakan ini.

## **Langkah Penyelarasan Bekalan Daging Ayam**

Harga ayam tempatan menunjukkan tren menurun sejak seminggu yang lalu (daripada RM5.50/kg hingga ke RM5.30/kg, harga ladang / *ex-farm price*). Adalah dijangka dengan tindakan penggantungan import akan menyebabkan pihak pemproses memperolehi bekalan dari sumber tempatan, justeru itu menyebabkan harga ayam bulat (*Standard* dan *Super*) akan melonjak naik. Bagi menampung kekurangan bekalan ayam bulat dan keratan ayam, DVS akan membenarkan import dari Thailand di mana tambahan beberapa loji lagi akan diperiksa (audit) dalam masa terdekat.

## **Strategi Peningkatan Tahap Kesiapsiagaan Menghadapi Kemungkinan Wabak Jangkitan Virus Influenza A *subtype* H7N9**

Satu Mesyuarat Jawatankuasa (JK) Tindakan melibatkan beberapa agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan diadakan hari ini dengan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar. JK Tindakan ini akan mengatur strategi bagi memastikan langkah proaktif diambil bagi menangani keberangkalan berlakunya wabak dan tindakan susulan diambil bagi mengelakkan jangkitan dari memasuki ke dalam negara. Di antara langkah-langkah berkenaan termasuk :

- (i) Menggantungi import produk ayam dari negara yang terjangkit virus Influenza A *subtype* H7N9 seperti Republik Rakyat China (RRC);
- (ii) Pemantauan di semua pintu masuk untuk membanteras penyeludupan semua jenis unggas dan produk mentah seperti telur;
- (iii) Pengambilan sampel dari produk ayam yang diimport bagi memastikan bebas jangkitan virus Influenza A *subtype* H7N9;

- (iv) Pemantauan di semua kedai burung, santuari burung hijrah, ladang ayam komersil, ladang ayam kampung, tempat hinggap burung-burung liar (mynah, gagak, layang-layang dan sebagainya). Sampel dalam bentuk calitan kloaka diambil bagi mengasingkan virus Influenza;
- (v) Program surveilans penyakit Influenza dipertingkatkan dan keupayaan setiap makmal sokongan diperkukuhkan. Satu 'Memo Jemaah Menteri' sedang dirangka bagi mendapat sokongan dan bantuan khusus bagi menangani ancaman ini;
- (vi) Penglibatan Pusat Kerjasama (*Collaborating Center* seperti di Australia, Hong Kong dan Jepun) dalam bidang Influenza di luar negara bagi memantapkan pelaksanaan program pemantauan; dan
- (vii) Pembentukan beberapa JK Khas seperti JK antara Kementerian (bagi penetapan dasar dan membuat keputusan kebangsaan), JK Tindakan (merancang program tindakan) dan JK Pelaksana (menjalankan pemantauan di lapangan).

Pihak DVS akan berfungsi sebagai agensi penyelarasan dan Pusat Pengurusan Krisis 'Avian Influenza A' akan diaktifkan di Ibu Pejabat DVS, Putrajaya dan akan mulai beroperasi segera bagi mengawalselia kemungkinan wabak jangkitan virus Influenza A *subtype* H7N9 di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR ABD AZIZ JAMALUDDIN**  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

26 April 2013